

AKHBAR : BERITA RTM  
TARIKH : 13 SEPTEMBER 2023  
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE  
HARI : RABU



UTAMA NASIONAL SEMASA EKONOMI JENAYAH DUNIA SUKAN PILIHAN RAYA

BERITA TERKINI

Lahir pemimpin muda berwibawa, Parlimen Belia akan dijadikan program inkubator

## SSPN Prime, PTPTN syor ibu bapa sediakan tabungan masa depan anak



**ALOR SETAR, 13 September-** Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) Prime mendapat sambutan baik di Kedah apabila ramai ibu bapa di negeri itu mula membuat tabungan untuk masa depan dan pendidikan anak-anak mereka.

Inisiatif itu adalah hasil komitmen dan promosi kempen yang dilakukan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di pelbagai platform termasuk media elektronik dan radio.

Pengarah PTPTN Kedah, Fauzi Azli Salleh berkata perkembangan itu juga disumbang melalui kerjasama dan sokongan agensi-agensi kerajaan yang menyebarkan keistimewaan simpanan SSPN.

"Dengan penglibatan daripada tadika termasuk swasta ia banyak memberi kerjasama untuk kita menyebarkan kesedaran tentang simpanan SSPN.

Setakat ini, PTPTN Kedah sentiasa bersama agensi kerajaan dan swasta untuk kita mempromosi dan menghebahkan mengenai keistimewaan menyimpan dengan SSPN,"

kata Fauzi kepada pemberita selepas merasmikan Program Malaysiaku Merdeka Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan, di sini.



(Pengarah PTPTN Kedah, Fauzi Azli Salleh ditemui pemberita selepas merasmikan Program Malaysiaku Merdeka Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan)

Pelbagai acara diadakan sempena program itu termasuklah pertandingan mewarna Jalur Gemilang, Busana Kreatif dan pertandingan lensa murni.

Perarakan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia turut menyerikan program berkenaan.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/70925-sspn-prime-ptptn-syor-ibu-bapa-sediakan-tabungan-masa-depan-anak>